

# Family Variables And Self Concept Variables (Part 1)

Siti Sarawati Binti Johar

## 1. PENGENALAN

Konsep sendiri pada masa kini bukanlah suatu istilah yang asing lagi buat entiti masyarakat khususnya dan badan-badan sosial secara umumnya. Asasnya, kewujudan istilah konsep sendiri mula diperkenalkan oleh William James dalam bukunya, *Principles of Psychology* (1890). Beliau mendefinisikan sendiri atau *empirical me* sebagai jumlah keseluruhan daripada apa yang manusia dapat menggelarnya sebagai *his*.

Secara tentatifnya, konsep sendiri merupakan suatu proses psikologi pada setiap individu yang bernama manusia, yang dikawal oleh prinsip sebab dan akibat. Ia turut dikatakan sebagai bukan suatu konsep metafizik tetapi lebih tertumpu pada fenomena tingkahlaku manusia dan perubahan-perubahan pada tingkah laku tersebut. *Hall & Lindzey* (1970) menyatakan bahawa konsep sendiri sama ada diterima sebagai objek atau sebagai proses atau kedua-duanya sekali, bukanlah satu *humunculus* atau '*man within the beast*' atau 'roh'. *Abd. Halim Othman* (1993)<sup>i</sup> dalam bukunya '*Psikologi Melayu*' pula menegaskan bahawa kemungkinan besar pengaruh atau elemen pembolehubah keluarga sebagai ejen utama terhadap pembentukan konsep sendiri anak terbahagi kepada dua:

- i. Pewarisan baka
- ii. Pewarisan melalui proses didikan, personaliti dan role model ibu bapa

*Phenomenal self* oleh *Snygg dan Comb* (1959) mempercayai bahawa semua tingkahlaku ditentukan oleh fenomena organisme yang bertingkah laku. Fenomena ini mengandungi keseluruhan pengalaman individu yang sedar sewaktu dia bertingkah laku. Apa yang difikirkan oleh organisme dan segala perasaannya akan menentukan tingkah laku. Fenomena sendiri pula disebut sebagai keseluruhan bahagian bidang yang dialami oleh organisme sebagai sebahagian daripada sifat dirinya. *Lundholm* pula membuat perbezaan antara '*subjective self*' ( '*what I think of myself*' ) dengan '*objective self*' ( '*what others think of me*' ). *Lundholm* menunjukkan gambaran subjektif sendiri bukan satu yang tetap. Akan tetapi ia berkembang dan menguncup, bergantung kepada rangkaian faktor seperti kerjasama dan konflik dengan orang lain. Secara ringkas, konsep sendiri mempunyai pembolehubah yang berfungsi sebagai faktor pembentukannya, sama ada didominasi oleh faktor ibu bapa, rakan sebaya atau sekeliling. Konteks ini perlu dinilai.

CONTINUE...

---